



## **PENEMUAN SIGNIFIKAN PERSAMPELAN KEPELBAGAIAN SPESIES TERJADUAL DAN SPESIES YANG MEMPUNYAI NILAI PEMELIHARAAN YANG TINGGI DI GUNUNG BILAH, KUALA BETIS, KELANTAN**

**Haji Mohd Ridzuwan bin Endot<sup>1</sup>, Edevaldo J.Yapp<sup>1</sup>, Juliana binti Yahya<sup>1</sup>, Mohd Nor Firdaus bin Rahim<sup>1</sup>, Azizul bin Razali<sup>1</sup>, Mohd Syafiq Syazwan bin Rosli<sup>1</sup>, Mohd Fadhil Farhan bin Jafrei<sup>1</sup>**

*Email: mohdridzuwan@forestry.gov.my, edevaldo@forestry.gov.my, juliana@forestry.gov.my, firdaus@forestry.gov.my, azizul\_razali@forestry.gov.my, syafiqrosli@forestry.gov.my, fadhiljafrei@forestry.gov.my*

### **ABSTRACT**

Gunung Bilah terletak di jajaran Banjaran Titiwangsa yang berada di sempadan Negeri Kelantan dan Negeri Perak. Puncak Gunung Bilah terletak di Kompartmen 191, Hutan Simpan Perias, Kelantan serta mempunyai ketinggian 2,082 meter dari aras laut. Gunung Bilah dikelilingi dan berhampiran dengan Gunung Chamah, Gunung Ulu Sepat, Gunung Gerah dan Gunung Bieh yang merupakan tarikan utama kepada para pendaki. Keindahan sumber semulajadi dan landskapnya menyebabkan banyak hebahan di dalam media sosial mengenai gambar-gambar spesies yang dijumpai di sepanjang laluan pendakian dan dikhuatiri memberi ancaman kepada kepelbagaian spesies di kawasan tersebut. Berdasarkan rekod, terdapat aktiviti persampelan atau kajian yang pernah dijalankan di Gunung Chamah oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) menunjukkan beberapa penemuan spesies orkid seperti *Paphiopedilum lowii* (slipper orchid), *Corybas spp.* and lain-lain spesies seperti *Coelogyne spp.*, *Bulbophyllums spp.* dan *Dendrobiums spp.* Namun tiada rekod penemuan melalui persampelan atau kajian yang serupa dilaksanakan di Gunung Bilah. Oleh itu, persampelan bagi spesies terjadual dan spesies yang mempunyai nilai pemeliharaan yang tinggi di Gunung Bilah telah diadakan pada 3 hingga 9 Mac 2024 dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan, Jabatan Kimia Malaysia, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi mendokumentasikan spesies flora yang ditemui di sepanjang laluan pendakian ke puncak Gunung Bilah. Hasil daripada persampelan tersebut, beberapa penemuan signifikan telah direkodkan iaitu 2 spesies periuk kera, 11 spesies orkid liar dan 8 spesies tumbuhan berbunga.

**Kata kunci:** Gunung Bilah, Persampelan, Periuk Kera, Orkid Liar, Tumbuhan Berbunga